

Penjual tiket bas wanita mahir proses dadah

22 Disember 2016 12:42 AM

PULAU PINANG 21 Dis. – Berselindung di sebalik pekerjaan sebagai penjual tiket bas, dua wanita mencari jalan singkat untuk hidup mewah apabila terlibat dengan sindiket memproses dadah sejak setahun lalu.

Mereka menjadikan sebuah rumah di Butterworth, di sini sebagai makmal mini memproses heroin secara tradisional dan memasarkan bahan terlarang itu di sekitar Timur Laut, Barat Daya dan Seberang Perai Utara.

Namun, kegiatan itu tidak bertahan lama apabila mereka ditahan sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang ketika berada di dalam sebuah kereta jenis Toyota Vios di Jalan Lengkok Sungai Glugor 2, dekat Glugor, Jumaat lalu.

Dalam serbuan kira-kira pukul 3 petang itu, polis menemukan sebuah beg tangan yang mengandungi satu pekot plastik lut sinar yang berisi dadah jenis heroin dengan anggaran berat 458 gram.

Ketua Polis negeri, Datuk Abdul Ghafar Rejab berkata, polis kemudiannya dibawa ke sebuah rumah di Butterworth dan menemukan sebuah makmal yang beroperasi untuk menghasilkan dadah jenis heroin.

“Di rumah terbabit, kita menemukan 15 pekot plastik lut sinar berisi heroin seberat 6.42 kilogram serta satu kotak berisi bungkusan plastik serbuk putih disyaki kafein seberat 19 kg selain peralatan memproses dadah.

“Ujian air kencing ke atas suspek pertama berusia 30 tahun berasal dari Bukit Mertajam mendapati dia negatif dadah dan rakannya berusia 29 tahun yang berasal dari Teluk Kumbar memiliki rekod jenayah serta positif ganja,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurut Abdul Ghafar, nilai keseluruhan dadah yang dirampas dianggarkan RM116,500 dan kedua-dua suspek kini ditahan reman hingga 25 Disember ini.

Ujarnya, siasatan lanjut ke atas wanita terbabit kemudiannya membawa kepada penahanan seorang suspek lelaki berusia 52 tahun, dipercayai mempunyai kaitan dengan sindiket berkenaan.

Jelasnya, dalam pemeriksaan yang dibuat, polis menemukan beg bimbit berisi 10 ketulan mampat heroin mentah dibalut dengan plastik lut sinar seberat 3.72 kilogram yang dianggarkan bernilai RM430,000.

“Lelaki yang bekerja sebagai buruh itu dipercayai ada kaitan dengan sindiket yang dianggotai dua wanita terbabit. Kita juga percaya masih ada saki-baki sindiket itu yang masih bebas dan gerakan mengesan mereka masih dijalankan,” katanya.

Tambah Abdul Ghafar, lelaki itu kini ditahan reman sehingga 27 Disember ini dan kesemua mereka disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati jika sabit kesalahan.